



## NOTIS SEBUT HARGA

### PERBADANAN PUTRAJAYA

No. Sebut Harga: PPj/SH(S)/JR/30/2022

Tajuk Sebut Harga:

#### **SEBUTHARGA BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MEMBINA, MEMBEKAL, MEMASANG, MENYELENGGARA TAMAN PERBADANAN PUTRAJAYA TERMASUK KESAN KHAS DAN KERJA-KERJA BERKAITAN SEMPENA FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2022 DI ANJUNG FLORIA PRESINT 4, PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G2, Kategori: CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) dan B04 (Kerja-Kerja Am Bangunan)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **13 JUN 2022**, jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara (C5)**. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** namun Kontraktor/Syarikat adalah **DIGALAKKAN** untuk hadir bagi memastikan Kontraktor/Syarikat mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas berkaitan sebut harga ini. Maklumat berkaitan sebut harga ini juga boleh didapati secara atas talian dalam bentuk *slide* di Portal Rasmi Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **13 JUN 2022** hingga **16 JUN 2022** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **Satu (1) salinan sijil** yang berkaitan. Wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa Surat Perwakilan Kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen Sebut Harga
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **20 JUN 2022 (ISNIN)**.
6. Kontraktor yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my).
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

b/p

**(SHAMSUL BAHRIN BIN RAHMAT)**

Naib Presiden

Jabatan Perancangan Bandar  
Perbadanan Putrajaya.